

Isu gaduh: Orang luar dinasihat elak terbabit

BH 26 MAR 2001
Oleh Azmi Abdul Malek

IPOH, Ahad – Penduduk luar Kampung Medan dan Jalan Klang Lama di Petaling Jaya diminta tidak campur tangan dengan pergaduhan di kawasan berkenaan baru-baru ini, kerana ia boleh memburukkan keadaan.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata sikap sesetengah pihak yang sengaja mengambil kesempatan daripada pergeseran itu tidak akan membantu menyelesaikan masalah berkenaan.

Katanya, beliau sentiasa memantau kejadian itu dan mendapati penduduk kampung berkenaan berada dalam keadaan aman dan damai tetapi keadaan keselamatan membimbangkan apabila ada pihak luar membuat kacau

MIC sentiasa memantau kejadian itu dan mendapati penduduk Kampung Medan berada dalam aman dan damai tetapi keadaan keselamatan membimbangkan apabila pihak luar membuat kacau

termasuk menyerang orang awam.

"Penduduk luar kawasan itu sering membuat kacau di tempat yang tidak diawasi polis.

"Saya kkuatir ada orang luar datang ke situ selepas jam satu hingga lima pagi dengan menaiki kereta dan motosikal yang sengaja ingin membuat kacau," katanya kepada pemberita selepas melan-

carkan Jogathon Alaf Baru 2001 anjuran Wanita MIC Perak di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengerusi MIC negeri, Datuk G Rajoo dan Ketua Wanita MIC negeri, S Thangasvari.

Samy Vellu meminta polis mengetatkan kawalan di tempat awam terutamanya di perhentian bas kerana ramai penduduk berada di situ pada awal pagi untuk pergi be-

kerja.

Beliau juga meminta rakyat negara ini supaya tidak percaya dengan khabar angin yang belum tentu kesahihannya.

"Mereka sepatutnya menghubungi polis untuk mendapatkan maklumat terkini sekiranya terde-

ngar khabar angin yang mengelirukan," katanya.

Samy Vellu berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju menyelesaikan masalah kemiskinan di kawasan bandar termasuk Kampung Medan dan kawasan sekitar Jalan Klang

Lama.

"Saya sudah mengemukakan beberapa cadangan kepada Kabinet untuk mengatasi masalah itu," katanya.

Menurutnya, kerajaan akan memberi tumpuan kepada masalah kemiskinan penduduk bandar

yang kebanyakannya adalah golongan setingan.

"Kerajaan akan cuba mengatasi masalah kemiskinan rakyat pelbagai kaum di negara ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8)," katanya.